zar19990417l

UCAPAN ENCIK ZAINUL ABIDIN RASHEED, SETIAUSAHA PARLIMEN KANAN (EHWAL LUAR) DAN AP BAGI GRC CHENG SAN, DI PERAYAAN PESTA TEMASEK "GEMA TEMASEK", ANJURAN KELAB BAHASA DAN BUDAYA MAKTAB RENDAH TEMASEK, PADA 2.15 PTG, SABTU 17HB APRIL, 1999, DI DEWAN MAKTAB RENDAH TEMASEK.

Tuan Pengerusi Majlis, Guru Penasihat Encik Mohamed Daud Haron, ibubapa dan pelajar dan bekas pelajar MRT, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Assalamualaikum wr wb.

Hampir dua puluh tahun lalu saya menghadiri satu pertemuan "Dunia Melayu" di Melaka. Ia sungguh mengkagumkan saya betapa perhatian diberi bagi soal sejarah, pertumbuhan dan masadepan bahasa dan budaya Melayu di dunia amnya dan di rantau ini, khususnya. Semasa persidangan itu, terdapat perwakilan Melayu dari merata dunia, termasuk juga perwakilan dari Brunei, Thailand, Filipina, Indonesia, Sri Lanka, Belanda dan Australia.

Saya juga pelajari dari sidang itu, masyarakat Melayu terdapat di banyak pelosok dunia, termasuk di Madagascar, Afrika Selatan, Eropah, Amerika, di Cambodia, Vietnam, dan juga di Taiwan.

Saya telah melawat masyarakat Melayu/Islam di Cape Town, Afrika Selatan buat tiga kali. Budaya dan bahasa Melayu mereka telah pupus. Hanya beberapa perkataan Melayu sahaja yang masih dalam penggunaan hari ini. Ini termasuk perkataan belacan. Beberapa masakan Melayu, termasuk lauk serupa kuah kincam, masih dihidangkan.

Bahasa mereka kini lebih kepada Bahasa Inggeris dan Afrikaan. Cara dan wawasan hidup mereka lebih dipengaruhi Islam dari budaya Melayu. Namun mereka tetap berbangga sebagai orang Melayu. Malah kini ramai dari mereka yang giat mengesan hubung kait mereka dengan dunia Melayu di rantau ini, walaupun identiti mereka berlainan.

National Archives of Singapore

Budaya dan identiti Melayu adalah satu faktor penghubung yang kuat. Masyarakat Melayu Singapura, walaupun sebuah masyarakat minoriti, bernasib baik kerana hidup dalam rumpunan Melayu rantau Asia Tenggara yang cukup aktif dalam usaha-usaha memperkaya bahasa dan budaya Melayu.

Peranan Singapura dalam usaha-usaha serantau ini juga tidak kecil. Ia tidak setakat sebagai 'penumpang' atau 'passenger'. Baik dalam soal pembakuan dan pertumbuhan bahasa, mahupun menyegarkan budaya, peranan Singapura tidak harus dipandang rendah. Singapura juga sendiri tidak mengambil mudah terhadap peranana serantaunya, walau betapa kecil sekalipun.

Peranan Majlis Bahasa Singapura demi mengukuh dan memperkembang bahasa dan budaya Melayu adalah cukup penting sekali. Dari menganjurkan Bulan Bahasa dan Budaya selang tahun, ia kini diadakan setiap tahun. Sokongan yang diberi oleh Pemerintah dan agensi Pemerintah termasuk dari Kementerian Penerangan dan Seni (MITA), Lembaga Warisan Nasional, Majlis Seni Negara (NAC) sungguh menggalakkan.

Usaha-usaha seperti ini yang menggabungkan tenaga, pemikiran dan sumber kewangan, ke arah memaju dan memperkembang bahasa dan budaya semua masyarakat Singapura kita harus digalakkan. Ia harus dijayakan di berbagai peringkat, baik nasional, mahupun di sekolah-sekolah.

Usaha Maktab Rendah Temasek menganjurkan Gema Temasek ini harus juga disambut dan disokong sewajarnya.

Bukan mudah menganjurkan perayaan seperti ini. Pelajar-pelajar kita banyak tanggungan mereka, khusunya dari segi mempertingkat prestasi mereka dalam pelajaran.

Sebagai sebuah masyarakat yang agak ketinggalan dalam kelulusan akademi dan pelajaran umumnya, tekana ke atas masyarakat untuk meningkatkan prestasi mereka cukup berat. Dalam keadaan demikian, memang mudah untuk sekolah-sekolah dan para pelajar mereka, apatah lagi ibu bapa, yang akan menitikberatkan soal pembelajaran dan prestasi lebih dari soal bahasa dan budaya.

Usaha para guru dan pemimpin pelajar untuk mendapatkan sambutan bagi rancangan-rancangan seperti Gema Temasek ini tentulah mencabar. Ada baiknya jika, pengalaman yang mereka lalui ini dapat digembeleng sedemikan rupa agar dapat membantu usaha-usaha masa depan.

Para maktab dan sekolah menengah mungkin dapat mempertimbang usaha mengadakan bengkel di mana dapat diadakan pertukaran fikiran dan pengalaman ini demi memajukan bahasa dan budaya Melayu di sekolah dan maktab di sini.

Akhir kata, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih saya kepada pihak penganjur kerana sudi mengundang saya ke majlis ini. Semoga hasrat murni MRT ini akan tercapai, dengan lancar lagi sempurna. Dalam zaman gerak cepat lagi canggih ini, kita harus memastikan agar perjalanan bagi masadepan kita tidak pula pupus dari hidup berbudaya, insyaAllah.

Non-commercial use only This document was created using Aspose.Words

Selamat maju jaya. Hidup bergema budaya, hidup bermakna. Terima kasih.

. . . . . .